

PLKN semakin diterima – Najib

Oleh MUHD. NIZAM ABD. HAMID

LANGKAWI 22 Jan. – Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang diperkenalkan sejak empat tahun lalu semakin diterima baik oleh masyarakat dengan jumlah yang mengikutinya terus meningkat dan pemohon sukarela juga bertambah ramai, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, masyarakat khususnya ibu bapa kini melihat kesan baik pelaksanaan program tersebut terutama perubahan positif dalam perwatakan para pelatih yang mengikutinya.

“Saya menerima banyak surat daripada ibu bapa yang mahu anak mereka (nama tidak tersenarai) menyertai program tersebut,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pembukaan PLKN Siri 4/2007 di Kem Legenda Seri Negeri di sini hari ini.

Bagi Kumpulan Satu Siri 4/2007 itu katanya, sebanyak 34,318 notis panggilan telah dihantar kepada lekatan sekolah yang layak menyertai program tersebut dengan 91.2 peratus daripada mereka melaporkan diri.

“Sebanyak 31,972 hadir melaporkan diri, 4,055 diberikan penangguhan, 194 ditolak dan sebanyak 1,211 surat tidak dikembalikan,” ujarnya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, Jabatan Latihan Khidmat

um- 22/1/2007
Saya menerima banyak surat daripada ibu bapa yang mahu anak mereka menyertai program tersebut

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

Negara (JLKN) turut menerima sebanyak 1,405 permohonan yang mahu mengikuti latihan secara sukarela.

“Mereka terdiri daripada 626 pemohon lelaki dan 779 perempuan. Kita akan memasukkan mereka mengikut komposisi kaum dalam kumpulan tiga siri pengambilan tahun ini,” tambahnya.

Kesemua 31,792 pelatih yang melaporkan diri itu kini sedang menjalani latihan di 78 kem PLKN di seluruh negara bermula 1 Januari lalu dan dijadualkan berakhir pada 30 Mac ini.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, JLKN juga perlu menjalankan program penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan PLKN dapat mencapai matlamatnya iaitu membentuk jati diri pelatih, menyemai semangat patriotisme dan memantapkan integrasi nasional.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, Tan Sri Lee Lam Thye, Ketua Pengarah JLKN, Abdul Halim Abdul Hamid dan Exco Kerajaan Negeri Kedah, Ir. Nawawi Ahmad.

Mengenai insiden seorang pelatih

PLKN di Kem Ayer Keroh, Ili Amera Azlan, 17, meninggal dunia selepas sesak nafas di kem tersebut, Najib berkata, ujian makmal masih dijalankan.

Setakat ini katanya, pihak JLKN belum mendapat laporan rasmi punca sebenar kematian pelatih tersebut yang baru 18 hari mengikuti program berkenaan.

Dalam perkembangan sama, Najib meminta ibu bapa memastikan tahap kesihatan sebenar anak mereka dengan melakukan pemeriksaan kesihatan.

Menurutnya, ibu bapa perlu memberi laporan yang tepat tentang kesihatan anak mereka ketika mengisi borang sebelum menjalani latihan supaya langkah-langkah awal boleh diambil.

“Kita juga telah menetapkan melalui Majlis Latihan Khidmat Negara bahawa Jabatan Kesihatan akan mengendalikan tiga pemeriksaan kesihatan yang pertama dua minggu sebelum pelatih masuk dan seterusnya semasa kursus berjalan.

“Mereka akan memeriksa dapur, melihat penyediaan makanan dan

juga dari segi kawalan serangga serta kebersihan keseluruhan dalam semua kem. Ini bertujuan mengelak sebarang kejadian yang berpunca daripada keketoran dan tahap kesedaran rendah,” katanya.

Ditanya tentang pelatih ingkar lapor diri, Najib menjelaskan, JLKN telah menyerahkan senarai mereka kepada polis dan terserah kepada agensi tersebut untuk mengambil tindakan selepas siasatan dilakukan.

“Kita minta tindakan diambil tetapi hanya kepada mereka yang benar-benar degil dan ingkar. Kalau terlalu susah seperti menjaga emak yang lumpuh, tidak perlu saman, kasihan mereka,” ujarnya.